

20 NOV 1999

Pencalonan (Malam)

KEBANYAKAN PERTANDINGAN SATU LAWAN SATU KALI INI

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Pilihan raya umum pada 29 Nov ini akan menyaksikan pertandingan sengit antara parti pemerintah Barisan Nasional (BN) dan pakatan empat parti pembangkang dalam pertandingan satu lawan satu di hampir 80 peratus daripada 193 kawasan pilihan raya Parlimen.

Keputusan lengkap pencalonan yang hanya diketahui 10 jam selepas pencalonan ditutup menunjukkan 429 calon telah mengemukakan borang pencalonan bagi kerusi Parlimen.

Daripada bilangan itu, BN bertanding di semua kerusi dan telahpun memenangi kerusi Betong di Sarawak kerana tiada pertandingan.

Senarai penuh pencalonan bagi 394 kawasan Dewan Undangan Negeri masih belum masuk pada pukul 9 malam ini.

Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya Datuk Wan Ahmad Wan Omar berkata, bilangan pertandingan satu lawan satu adalah yang tertinggi sekali sejak pilihan raya pertama pada 1959.

Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di Jitra, Kedah selepas mengemukakan borang pencalonannya yang BN yakin ia akan mendapat majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat memandangkan sokongan rakyat yang terus meningkat.

Dalam temubual dengan Radio Malaysia Kedah selama 10 minit, beliau berkata rakyat perlu mengundi dengan bijak demi kepentingan mereka serta negara dan jangan hanya mengundi untuk meluahkan perasaan marah mereka.

Beliau juga berkata BN telah memperkenalkan muka-muka baru supaya mereka dapat menyumbangkan kepada pembaharuan dalam negara dan kombinasi muka baru dan lama boleh mewujudkan pentadbiran yang cekap dan berkesan.

Beliau berkata, BN terpaksa menggugurkan beberapa muka lama walaupun mereka masih boleh berkhidmat kerana mahu memberi laluan kepada muka baru.

"Saya berharap mereka tidak kecewa dan mesti melakukan pengorbanan," kata Dr Mahathir.

Pakatan pembangkang yang terdiri daripada PAS, DAP, Parti Keadilan Nasional dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) yang menggelar diri mereka Barisan Alternatif telah menampilkan 170 calon.

Keempat-empat parti itu bermuafakat untuk tidak bertanding sesama sendiri. Dalam pilihan raya lepas, pertandingan antara parti-parti pembangkang bertanding di kawasan pilihan raya yang sama, sesuatu yang lazim walaupun ada pakatan.

Daripada 170 calon pembangkang, 62 orang adalah calon PAS, 47 orang calon DAP, Keadilan (60) dan PRM (4).

Yang lain ialah 27 calon bebas, 17 daripada Parti Bersatu Sabah (PBS), 12 daripada Parti Demokratik Malaysia (MDP) dan lima daripada Star di Sarawak, masing-masing satu dari Berjasa dan Akim, kedua-duanya di Kelantan.

Penamaan calon berjalan lancar tanpa sebarang kejadian tidak diingini dan dengan kemeriahan seperti biasa apabila calon-calon diiringi oleh para penyokong ke pusat-pusat penamaan calon dengan membawa kain rentang dan bendera parti.

Di samping pertandingan satu lawan satu, 37 kawasan Parlimen akan menyaksikan pertandingan tiga penjur, dua lagi pertandingan empat penjur dan yang tertinggi ialah kawasan Parlimen Kota Belud di Sabah yang

menyaksikan pertandingan lima penjurur.

Pada pilihan raya umum 1995, BN bermula dengan penuh semangat apabila ia memenangi 11 kerusi Parlimen tanpa pertandingan pada hari penamaan calon dengan sembilan daripadanya di Sarawak dan satu masing-masing di Perak dan Selangor.

Sejumlah 427 calon bertanding di 192 kawasan Parlimen dan 852 calon mengadu nasib bagi 394 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Selepas itu satu lagi kawasan Parlimen baru diperkenalkan.

Selepas sahaja pencalonan ditutup pada pukul 11 pagi, timbul khabar angin yang BN dan PAS telah memenangi beberapa kerusi tanpa pertandingan.

Tetapi, apa yang sebenarnya berlaku ialah BN memenangi satu kerusi Parlimen (Betong) dan satu kerusi negeri, iaitu Tangkak, di Johor.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merupakan antara pemimpin veteran BN yang terbabit dalam pertandingan satu lawan satu dengan calon dari PAS.

Dr Mahathir dicabar di kubu kuat beliau iaitu Kubang Pasu di Kedah oleh Subky Abdul Latif, seorang anggota jawatankuasa pusat dan penulis ruangan Harakah, akhbar PAS.

Abdullah, yang akan mempertahankan kerusi Kepala Batas bagi kali keenam akan menghadapi ahli perniagaan Abdul Khalid Rasid, muka baru dalam politik.

Spekulasi pencalonan Datuk Seri Anwar Ibrahim, tidak menjadi kenyataan apabila bekas Timbalan Perdana Menteri itu dan bekas Timbalan Presiden Umno itu memutuskan untuk tidak bertanding.

Menurut peguamnya Zainur Zakaria, Anwar, yang kini menjalani hukuman penjara enam tahun kerana rasuah, tidak bertanding kerana beliau percaya pencalonan beliau akhirnya akan ditolak.

"Anwar berpendapat tiada gunanya beliau bertanding dalam pilihan raya itu kerana walaupun beliau menang nanti kemenangan itu akan dibatalkan," kata Zainur kepada pemberita.

Menurut Perlembagaan Persekutuan sesiapa yang didenda RM2,000 atau lebih atau dipenjara 12 bulan tidak layak bertanding dalam pilihan raya bagi tempoh lima tahun daripada tarikh dibebaskan ataupun jika hukuman itu dalam bentuk denda, daripada tarikh denda itu dikenakan.

Sebaliknya Zainur sendiri, mengemukakan pencalonannya bagi kawasan pilihan raya Lembah Pantai mewakili parti Keadilan yang diketuai oleh isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Kawasan pilihan raya di ibu negara itu menyaksikan banyak demonstrasi jalanan oleh penyokong-penyokong Anwar setahun lepas kerana membantah penyingkiran Anwar dari Kabinet atas tuduhan salahlaku seks.

Beliau buat masa ini menghadapi perbicaraan liwat.

Dr Wan Azizah sendiri akan bertanding di kawasan pilihan raya suaminya iaitu Permatang Pauh di Pulau Pinang dan akan bertemu bekas pengikut Anwar Datuk Dr Ibrahim Saad, iaitu Timbalan Menteri Pengangkutan.

Juga di Pulau Pinang, Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang, seorang anggota Parlimen selama 30 tahun, membuat kejutan apabila beliau berpindah dari kerusi Parlimen Tanjung ke Bukit Bendera. Beliau juga akan merebut kerusi DUN Kebun Bunga.

Presiden PAS Datuk Fadzil Noor, yang telah memenangi kerusi Bukit Raya empat kali, kali ini berpindah ke kawasan DUN Anak Bukit. Beliau juga akan bertanding di kerusi Parlimen Pendang selepas tewas dalam percubaan bagi kerusi Kuala Kedah pada pilihan raya lepas.

Di Kelantan, Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat memberitahu pemberita yang pemimpin-pemimpin PAS dan anggota-anggotanya bersemangat

tinggi dan yakin yang parti itu akan kekal berkuasa bagi kali ketiga.

PAS memegang tampuk pemerintahan Kelantan sejak dua pilihan raya lepas dan berazam mematahkan percubaan BN kali ini yang diterajui oleh Tengku Razaleigh Hamzah, yang membubarkan parti Semangat 46, untuk kembali kepada Umno bersama anggota-anggotanya dua tahun lepas.

Tengku Razaleigh akan bertanding di Gua Musang dan akan menghadapi calon PAS, Abdul Razak Abbas.

Sementara persaingan bagi undi dijangka sengit antara BN dan pakatan pembangkang di Semenanjung, BN menaruh harapan pada 49 kerusi Parlimen di Sabah, Sarawak dan Labuan untuk mengekalkan majoriti dua pertiganya.

Sabah dan Sarawak menyaksikan pilihan raya Parlimen sahaja dengan kedua-dua negeri mengadakan pilihan raya Dewan Undangan Negeri secara berasingan.

Sementara di Sabah BN dijangka menghadapi cabaran sengit PBS yang menurunkan 17 calon, sementara di Sarawak BN dijangka hadapi laluan yang lebih mudah berdasarkan pengalaman sebelum ini.

-- BERNAMA

Team PR